

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 OKTOBER 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Showcase of talents	New Sunday Times
2.	Women scientists to the fore	New Sunday Times
3.	Ancaman dunia nyata berpindah ke alam maya	Berita Harian
4.	Pengguna kena peringkat keselamatan alat peranti	Berita Harian

KERATAN AKHBAR NEW SUNDAY TIMES (LEARNING CURVE) : MUKA SURAT 10 TARIKH : 9 OKTOBER 2016 (AHAD)



Professor Helen Bartlett (third from left) and Monash University Malaysia deputy president Professor Mahendhiran S. Nair (far left) listening attentively to an exhibitor at the research booth.

Showcase of talents

EXCHANGE OF IDEAS:

A collaborative platform for industry and community members

ZULITA MUSTAFA
zulita@nst.com.my

AIMED to encourage and inspire more students and the public to be involved in research that have a positive impact on society, Monash Innovation & Collaboration Open Day 2016 showcased inventions by students, professors and industry experts.

Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** also attended the open day as the guest of honour.

A total of 18 exhibitors displayed their creations through real-life demonstrations as part of the university's Engagement Week.

It was also a platform for industry and community members to share information and develop collaborations on inventions, research projects and exchange innovative ideas.

Some of the inventions have won several awards and even filed for patent registration.

This includes the UV Led Mask Aligner System, an equipment that can be used for manufacturing identification card (IC) and micro-electromechanical chips which aided in 90 per cent less production cost with assured state-of-the-art functions.

Researched by Dr Narayanan Ramakrishnan and PhD student Lee Neam Heng, the invention has been awarded Gold at the International Invention & Innovation Exhibition (ITEX 2016) and Silver at International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2015).



Associate Professor Md Ezharul Hoque Chowdhury explaining to the guests how the world's first pH-sensitive inorganic nano-crystals can serve as super-efficient drug transporters.

Associate Professor Md Ezharul Hoque Chowdhury is one of the inventors who took part in the open day.

He invented the world's first pH-Sensitive Inorganic Nano-Crystals, to serve as Super-Efficient Drug-Transporters.

This product is designed based on pH-sensitive and bio-degradable inorganic nanoparticles that have fascinating properties of electrostatic binding to DNA, siRNA, proteins and small molecule drugs.

It can deliver capacity across the blood stream and cell membranes efficiently to exert a therapeutic effect.

Md Ezharul joined Monash University Malaysia campus in February 2011 as a senior lecturer. He has so far produced over 50 publications and five Japanese and US patents, some of which have already been commercialised. Another invention was the world's first pH-Sensitive Inorganic Nano-Crystals which has also been awarded with Gold award at ITEX 2016.

According to Md Ezharul, his invention can deliver capacity across the bloodstream and cell membrane efficiently to exert a therapeutic effect.

"To serve as Super-Efficient



Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** taking a closer look at the chip produced by the world's first UV-Led Mask Aligner System.

Drug-Transporters, this product is designed based on pH-sensitive and bio-degradable inorganic nanoparticles that combine fascinating properties of electrostatic binding to DNA, siRNA, proteins and small molecule drugs," he said.

The university aligns its research priorities according to the national and international agenda, crucial for the development of intervention strategies that will improve the lives of people.

Researchers are working on global issues and finding solutions on a broad range of challenges that impact Malaysia from discovering new drugs derived from Malaysia's rich natural biodiversity for neurological diseases to identifying innovative ways to overcome poverty in rural and urban areas.

Many of these challenges require a multi-disciplinary approach and the campus has established multi-disciplinary research platforms that enable scientists in the region to work on global challenges.

According to Monash University Malaysia president and pro vice-chancellor Professor Helen Bartlett, the exhibition provided a platform to showcase the university's research strengths and to seek

potential collaborative opportunities with the industry.

"This is part of the university's wider engagement strategy which aims to work with the community, identify potential partnerships and explore ways to work together to solve key issues and problems encountered by the industry."

Bartlett said the university has taken this role (enhancing R&D and innovations) by continuously investing in R&D funding, expertise, infrastructure, scholarships and training for the past 17 years.

"Our researchers are now making important breakthroughs and discoveries in advanced engineering, public health, tropical medicine and biology, halal ecosystems, economic policy modeling and other research fields.

"For example, researchers in the School of Sciences are the first to successfully sequence the genome of the Asian Arowana. This is the first Malaysian fish genome to be sequenced and the first achieved by a Malaysian university

"Building the next generation of researchers and scholars is central to what we do, so our research efforts are supported by close to 400 PhD students who are working in a wide range of areas," she added.

Women scientists to the fore

RESEARCH FUNDING:

It would also redress gender imbalance in STEM, says deputy minister

ROZANA SANI
rsani@nst.com.my

THE involvement of more women in science can help boost the nation's progress towards becoming a developed nation by 2020.

It would also improve gender imbalance in science and technology, providing more diversity in terms of perspective and approach in research, said Deputy Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah. He was speaking at the 11th edition of the L'Oréal-UNESCO For Women in Science Award in Kuala Lumpur on Thursday.

"Women are multitaskers — this is a crucial trait for successful leaders in the fields of STEM (science, technology, engineering and mathematics)," he said, lauding the success of the annual programme which aimed to accelerate the advancement of women in science and serve as an inspiration for the future generations of women scientists.

According to L'Oréal Malaysia man-

aging director Malek Bekdache, there are still barriers that discourage women from entering the profession and obstacles continue to block progress for those already in the field. Therefore, the L'Oréal Foundation together with its partners aim to change these numbers and reduce the gender imbalance.

"Since its inception in 2006, the programme has awarded and provided over RM700,000 worth of research grants to 35 outstanding women scientists in Malaysia. Every year the programme provides fellowships to promising women researchers at crucial junctures in their careers," he said.

This year, the fellowship was opened to all Malaysian women researchers/scientists under the age of 40, who are PhD holders or pursuing research studies in any scientific field. An overwhelming response of 139 applicants from various fields of sciences were received.

A panel of jury — led by Malaysia's first astrophysicist, Professor Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman who is also Academy of Science Malaysia program director — evaluated each proposal based on criteria such as project significance in terms of its merit and value contribution, originality and purpose, contribution to science, methodology, academic achievements and overall project quality.

The jury panel selected three winners who each are working on breakthrough scientific research, which addressed critical global challenges that could aid millions around the world:

Dr Fatehah Mohd Omar, a lecturer at

Universiti Sains Malaysia's (USM) School of Civil Engineering for her research on wastewater treatment for palm oil industries; Dr Nethia Mohana Kumaran, a senior lecturer at USM's School of Biological Sciences for her research on a customised treatment for nasopharyngeal cancer; and Dr Reena Rajasuriar, a lecturer at University of Malaya's Faculty of Medicine for her research on unlocking the code of immunological aging process.

Each recipient received RM30,000 grant to help pursue their research.

Thoroughly committed to the belief that women have an important role in science, Fatehah said women scientists should not allow obstacles to stand in their way. "Persistency and consistency are the key factors that will lead to your success. Respect and be modest to everyone for knowledge is gained even through the smallest of lessons," she said.

Nethia, meanwhile, said the perception that science is not for girls is a fallacy. "The sky's the limit when you set your mind and heart to it, think about Marie Curie, Elizabeth Blackburn, and Carol Greider. These are Noble Prize winners in science. As clichéd as it sounds, sometimes you just need to follow your heart and just do it," she said.

Never let societal norms define one's self, Reena advised aspiring women scientists.

"Follow your heart and passion and the road may or may not be easy but certainly fulfilling. A career in science is for everyone as long as you have the tenacity, commitment and passion," she said.



Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah (right) congratulating award winners (from left) Dr Fatehah Mohd Omar, Dr Nethia Mohana Kumaran and Dr Reena Rajasuriar as L'Oréal Malaysia managing director Malek Bekdache looks on.

Ancaman dunia nyata berpindah ke alam maya

Malaysia adalah antara negara yang celik siber tetapi antara terendah kesedaran keselamatan siber. Disebabkan itu, rakyat kita terdedah dengan risiko ancaman siber. Malah, kebanyakan kes kehilangan wang ringgit melalui sistem kewangan atas talian kini bermula daripada e-mel, tetapi ramai orang kita tidak sedar. Selain itu, kelonggaran keselamatan alat peranti menyebabkan wujud ruang kelemahan yang membenarkan pengguna berterusan, digodam, ditipu dan dipermudahkan pihak ketiga. Se jauh manakah perkara ini terus menghantui pengguna? **Wartawan BH Ahad, ROHANIZA IDRIS dan NADIA HAMID** menemubual Ketua Pegawai Eksekutif Cyber-Security Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab dan Pengarah Kanan Bahagian Advokasi dan Jangkauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Eneng Faridah Iskandar.

Dr Amirudin Abdul Wahab

S: Apakah yang boleh dikatakan sebagai ancaman siber?

J: Kita biasa mendengar ancaman siber ini seperti kes godam, kecurian maklumat dan penipuan dalam talian. Namun ancaman siber ini boleh diasingkan kepada dua iaitu ancaman operasi dan ancaman infrastruktur. Ancaman atau serangan operasi ini adalah ancaman kepada individu seperti kejadian kecurian maklumat, kena ugutan dan godam. Serangan kepada infrastruktur pula adalah satu ancaman strategik. Ada sembilan kategori serangan operasi, antaranya gangguan perkhidmatan, penipuan, cubaan mencero, godam dan serangan niat jahat. Ancaman siber sebegini boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa dan di Cybersecurity, kami menyediakan talian aduan Cyber999 untuk apa sahaja aduan mengenai serangan dan jenayah siber.

Kita juga ada talian bebas tol 1-300-88-299, selain kita ada aplikasi dalam telefon pintar yang memberi khidmat aduan secara percuma melalui pelbagai rangkaian aduan seperti telefon, faksimili, WhatsApp dan e-mel. Sudah 20 tahun talian Cyber999 diperkenalkan dan setiap tahun purata 10,000 aduan diterima. Aduan itu kita akan salurkan kepada pihak berkuasa seperti polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Kita membantu sama ada aduan itu ada unsur jenayah atau tidak. Sekarang apa juga yang berlaku di alam nyata, berpindah ke alam siber, begitu juga jenayah.

S: Apakah kes ancaman terbesar yang sering dilaporkan kepada Cybersecurity?

J: Kes penipuan paling tinggi dicatatkan. Daripada keseluruhan kes dilaporkan, 40 peratus membabitkan kes penipuan, cubaan pencerobohan dan serangan kod berbahaya. Penipuan ini bukan hanya aliran di Malaysia tetapi juga di rantau ini. Terbaru, ancaman 'ransomware' atau perisian ugutan internet yang mana penjenayah membangunkan sistem dan menyebarkan virus jahat dalam mana-mana komputer mahupun telefon bimbit.

Mereka ini mengugut dengan mengenakan caj untuk membebaskan diri daripada ancaman itu. Persoalannya kini jika kita sudah membayar pun tidak semestinya kita dapat membebaskan diri malah tersepit. Aliran ini bukan saja ancaman kita tapi global. Ada juga jenis 'malware' yang dicipta tidak boleh dibuka kembali dan mereka ini terus-terusan mengaut keuntungan.

Kes ini perlu dilaporkan kepada kita untuk tindakan selanjutnya. Kami ada Pusat Penyelidikan 'Malware' atau serangan jahat menjadi satu-satunya pusat seumpama itu di Malaysia. Di pusat itu, kita buat analisis aliran 'malware', kesan modus operandi dan berusaha membuang, membersihkan 'malware' dan kita akan siasat siapa yang buat. Namun, kita perlukan penguatkuasaan berkesan maklumat yang kita perlukan untuk memudahkan kerja mengesan dan memusnahkan serangan.

S: Apakah cabaran paling besar dalam isu keselamatan siber?

J: Faktor kemanusiaan paling mencabar. Pengguna mengambil jalan mudah dengan berkongsi perkara yang menjadi viral tanpa berfikir dan membuat pertimbangan. Kita ada program khusus dan ajar etika penggunaan seperti 'privacy setting', beri tip pengguna, selain sistem pertahanan dan keselamatan seperti antivirus. Kita juga ada program bijak klik ajar bahawa ada ancaman luar yang mendedahkan diri untuk menjadi mangsa serangan.

S: Se jauh mana kesedaran awam mengenai keselamatan siber dan tahap celik IT di negara ini?

J: Malaysia adalah antara negara yang celik siber tetapi pada masa sama, antara terendah kesedaran keselamatan siber. Disebabkan itu, rakyat kita terdedah dengan risiko ancaman siber. Banyak yang perlu ditingkatkan, saya sangat positif untuk mendekatkan diri kepada orang ramai menceritakan isu dalam alam siber.

S: Selain ancaman penganas dan pornografi, ancaman apa lagi yang boleh menyerang keselamatan siber ini?

J: Ancaman terhadap infrastruktur kesan penggunaan peranti untuk peranti. Contoh melalui telefon bimbit kita mengawal kediaman. Apabila ada gangguan atau serangan pada peranti ini

boleh akan menjejaskan keseluruhan sistem. Lebih dikuatir peranti ini digunakan untuk mengancam sistem infrastruktur seperti bekalan air, tenaga, pengangkutan dan perbankan. Itu sebab di negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, ancaman siber diletakkan sebagai ancaman keselamatan kelima. Kebergantungan dan kepelbagaian fungsi internet diakui akan memudahkan manusia menjalankan kehidupan seharian, namun risikonya lebih besar dua kali ganda kesan aktiviti tradisi sedia ada. Dibimbangi kebergantungan kepada peranti dan internet ini digunakan sebagai serangan besar-besaran yang boleh melumpuhkan negara.

S: Selain 10 sektor disebutkan sebelum ini, adakah sektor lain turut menerima ancaman 'malware botnet', apakah langkah boleh dilakukan Cybersecurity untuk menghadapinya?

J: 10 sektor kritikal sasaran botnet iaitu, pertahanan dan keselamatan negara; perbankan dan kewangan; maklumat dan komunikasi; tenaga; pengangkutan; air; kesihatan; kecemasan; makanan dan pertanian dan pentadbiran. Kemungkinan sektor lain turut terkesan. Ada kemungkinan 'malware' ini merentasi sistem sektor lain kerana ia semakin canggih. Justeru, kita kena kenal pasti ancaman 'malware' ini, tentukan jenisnya, bersihkan daripada sistem dan kalau boleh, mencari siapakah dalangnya.

Cybersecurity, pakar dalam hal ehwal teknikal memiliki peralatan membuang dan membersihkan sistem daripada 'malware' - perisian tidak aktif yang akan diprogramkan apabila tiba maklumat organisasi atau data peribadi. Cybersecurity mempunyai pengiktirafan memusnahkan dan

membuat ujian forensik pada ancaman berkenaan. Ketika ini, lebih sejuta malware botnet sudah dikenal pasti menyerang dan berada dalam Protokol Internet (IP) 10 sektor itu. Caranya, kerjasama antara kedua-dua sektor dan sektor terbabit perlu mengeluarkan sedikit pelaburan untuk tujuan itu.

S: Dr ada menyebut mengenai forensik digital. Adakah peralatan ini dapat mengatasi ancaman 'malware' atau ancaman siber lain?

J: Forensik digital adalah salah satu cara untuk mengatasi ancaman siber. Biasanya kita menggunakan forensik digital ini untuk kumpulkan bukti digital. Kami juga ada makmal forensik digital yang sudah mendapat akreditasi daripada 'American Society of Crime Lab Directors/Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB)' bagi kategori - Bukti Digital & Multimedia. Kami juga bekerjasama dengan mana-mana sektor yang mahu mendapatkan kepastian keselamatan siber. Malah, kini kami berada dalam satu pakatan untuk memusnahkan ancaman 'malware' ini dengan beberapa sektor dan organisasi.

S: Apakah kekangan oleh sektor yang diancam serangan siber ini untuk mereka bebas daripada ancaman berkenaan?

J: Sepatutnya setiap organisasi memperuntukkan kos khusus untuk ancaman siber dan mendapatkan perkhidmatan pakar diiktiraf kompeten. Sekarang kebanyakan industri tiada peruntukan khusus untuk itu. Kebanyakan organisasi juga tiada tenaga kerja dan kepakaran dalam keselamatan siber ini. Kesedaran juga sebenarnya tidak ada. Pada masa sama, organisasi mendapatkan perkhidmatan luar untuk mengawal keselamatan siber mereka dengan kos yang mahal.



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SOAL JAWAB) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 9 OKTOBER 2016 (AHAD)



Pengguna kena pertingkat keselamatan alat peranti

Eneng Faridah Iskandar

S: Kebanyakan pemain industri mula tawarkan perkhidmatan e-dagang (online). Bermakna langgan data internet akan meningkat. Bagaimana anda melihat situasi berkenaan?

J: Pengguna perlu berhati-hati dan meningkatkan keselamatan alat peranti mereka. Modus operasi jenayah siber yang berlaku hari ini sama dengan jenayah fizikal. Dahulu, perompak menyerang secara berdepan tetapi hari ini, mereka boleh mencuri duit atau maklumat peribadi hanya melalui penembusan jalur lebar. Kebanyakan kes penipuan kehilangan wang ringgit melalui sistem kewangan atas talian bermula daripada e-mel. Penggodam akan mengambil alih e-mel pengguna, sebelum menggodam jaringan lain. Gunakan kata kunci yang sukar dan kerap diubah supaya penggodam tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil alih e-mel anda. Elakkan penggunaan kata kunci sama untuk semua aplikasi anda gunakan.

S: Apakah kesan peningkatan penembusan jalur lebar kepada masyarakat dan sejauh mana masyarakat sedar kepenggunaan internet?

J: Perkembangan dunia siber tanpa sempadan menyediakan dua tujuan, positif dan negatif. Kegunaan teknologi internet memudahkan perkhidmatan perniagaan e-dagang; perhubungan atau komunikasi dan mendapatkan sumber maklumat dengan tepat serta pantas. Sementara itu, as-

pek negatif internet adalah perkongsian tanpa kawalan menyebabkan pengguna menyebarkan maklumat tanpa usul periksa, maklumat peribadi dan kerahsiaan terdedah ancaman jenayah siber atau disalahgunakan pihak ketiga.

Hari ini, kajian menunjukkan 71.4 peratus pengguna obses dengan telefon bimbit, termasuk akan memeriksa telefon walaupun tidak berbunyi, selain 76.3 peratus mengaku sanggup pulang ke rumah mengambil telefon bimbit sekiranya terlupa. Perkara ini menjelaskan kebergantungan tinggi pengguna terhadap telefon ketika ini. Di kawasan luar bandar, mereka yang menggunakan Pusat Internet iMalaysia masih boleh akses pada komputer.

S: Sejauh mana tahap penggunaan internet dan peratusan kadar penembusan jalur lebar di negara kita?

J: Kajian Pengguna Internet pada 2014 mendapati Malaysia antara negara aktif menggunakan internet dengan 20.1 juta pengguna internet dan 59 peratus daripadanya berusia bawah 30 tahun. Kebanyakan pengguna melayari internet melalui telefon pintar iaitu 65.1 peratus, bukannya komputer seperti 20 tahun dahulu.

Kajian turut mendapati 84.4 peratus adalah kegunaan asas seperti melayari media sosial dan aplikasi seperti WhatsApp, WeChat, Twitter, Snapchat dan VSCO. Sebanyak 86.8 peratus pengguna mempunyai akaun Facebook; 30.3 peratus (Instagram) dan 22.7 peratus (Twitter). Kadar penembusan jalur lebar isi rumah pada suku pertama 2016 mencatatkan 78.7 peratus. Di seluruh negara, penembusan jalur lebar di bandar sekitar 70 peratus, manakala 30 peratus di kawasan luar bandar. Ketika ini, lebih 700 Pusat Internet iMalaysia disediakan di seluruh negara, menjadikan semua golongan terdedah kepada penggunaan teknologi siber tanpa sempadan.

S: Trend masyarakat hari ini memilih internet untuk dapatkan maklumat atau berkomunikasi. Bagaimanapun, ramai pengguna masih keliru apabila berlaku sesuatu ancaman?

J: Banyak kekeliruan membabitkan bidang tugas dan kawal selia SKMM ketika ini. Kita tidak nafikan, aduan pengguna mengenai penyalahgunaan muat naik bahan kandungan internet, penipuan, fitnah dan menyakiti hati orang lain serta godam dilaporkan kepada SKMM. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, le-

bih 2,000 aduan diterima setiap tahun dan jumlahnya akan meningkat sekali ganda apabila berlaku sesuatu isu panas dan mencetuskan kebimbangan orang ramai seperti ancaman Daesh.

Bagaimanapun, SKMM bukan satu-satunya agensi yang memiliki kuasa menyiasat aduan berkaitan kandungan bahan internet. Pemberian kandungan di internet tertakluk kepada semua undang-undang negara seperti Akta Hasutan (polis); mengugat keselamatan negara - Kanun Keseksaan (polis); penipuan, kewangan, perdagangan - Akta Syarikat 1965 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Bank Negara); Akta Jualan Langsung 1993 (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK); Akta Perlindungan Pengguna 1999 (termasuk urusan jual beli dalam talian) KPDNKK;

Akta Undang-Undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia); Akta Perdagangan Elektronik 2006 (KPDNKK); Kanun Keseksaan (seksyen 420) (polis).

Hak Cipta - Akta Hak Cipta 1987 (KPDNKK); fitnah - Kanun Keseksaan (polis); menghina agama - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Jabatan Agama Islam); Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (SKMM); lucah, sumbang, jelic, palsu - Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (SKMM); mencuri identiti - Kanun Keseksaan (SKMM); penjualan, pengiklanan ubat - Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 (Kementerian Kesihatan); pengedaran senjata pemusnah - Akta Perdagangan Strategik 2010 (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)); perjudian, pertaruhan - Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (polis); Akta Pertaruhan 1953 (polis); Akta Pertaruhan Pool 1967 (polis); mengancam, ugutan nyawa dan harta - Kanun Keseksaan (polis); penggodaman - Akta Jenayah Komputer 1997 (polis) dan penggunaan data peribadi - Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)).

S: Apakah topik atau carian paling popular dalam kalangan pengguna internet tempatan dan sejauh mana SKMM menyekat laman sesawang yang berisiko mengganggu-gugat kepenggunaan siber?

J: Medium paling banyak dilayari pengguna di negara kita masih belum ekstrem. Golongan ini hanya menggunakan siber untuk tujuan akses media sosial seperti Facebook, Twitter. Tidak dinafi-

kan ada segelintir 'penggodam', namun bilangannya sedikit. Godam bertujuan mencari populariti, politik antara negara, misalnya menyatakan pendirian negara berkenaan dalam sesuatu isu dengan sebariskan maklumat melalui dunia siber, ugutan, memalukan organisasi atau mencuri maklumat, sekali gus mendapatkan wang.

Apabila berlaku aduan, SKMM akan menyiasat sesuatu kes dan menjalankan langkah penguatkuasaan menyekat laman sesawang termasuk pendakwaan di mahkamah, sekiranya menyalahi undang-undang negara. Penyalahgunaan media sosial akan dilaporkan kepada pengendali perkhidmatan itu supaya mereka boleh mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan aduan pengguna. Sehingga September tahun ini, sekatan laman sesawang yang menyalahi kepenggunaan antaranya kandungan (SKMM) - 1095; tiada lesen pelancongan (MOTAC) - 9; kawalan Makanan (KKM) - 10; kawalan dadah dan kosmetik (KKM) - 20; kanun keseksaan (polis) dan Enakmen Jenayah Syariah - tiada; perjudian dalam talian (polis) - 7; hakcipta (KPDNKK) - 44 dan barangan palsu (KPDNKK) - 6.

S: Laman sesawang porno dan lucah mudah diakses dalam negara. Sejauh mana kawalan terhadap bahan kandungan itu yang boleh mengugat kesopanan dan mengurangkan jenayah sosial dalam kalangan pengguna muda?

J: Penguatkuasaan sekatan bahan porno dan lucah sering dilakukan dari semasa ke semasa. Sukar dinafikan, walaupun banyak sekatan dilaksanakan, jumlah laman sesawang itu sentiasa bertambah. Sehingga September lalu, SKMM menyekat 2,370 laman sesawang lucah di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Langkah lain mengekang masalah ini melalui Pembekal Khidmat Internet (ISP) seperti syarikat telco, yang dilesenkan SKMM atau kawalan ibu bapa.

SKMM turut memuat naik pelbagai video menarik yang dapat memberi panduan mengenai keselamatan melayari internet dengan bijak di www.youtube.com/my/klikdenganjajak. Sebarang maklumat berhubung program boleh dilihat di www.facebook.com/klikdenganjajak atau ikuti Instagram @klikdenganjajak. Program pendidikan kesadaran penggunaan internet, Klik Dengan Bijak (KDB) dilaksanakan sejak Julai 2012, dengan lebih 450 aktiviti meliputi 680,000 orang di seluruh negara.

Malaysia adalah antara negara yang celik siber tetapi pada masa sama, antara terendah kesedaran keselamatan siber. Disebabkan itu, rakyat kita terdedah dengan risiko ancaman siber"

Amirudin Abdul Wahab,
Ketua Pegawai Eksekutif
CyberSecurity Malaysia



Kebanyakan kes penipuan kehilangan wang ringgit melalui sistem kewangan atas talian bermula daripada e-mel. Penggodam akan mengambil alih e-mel pengguna, sebelum menggodam jaringan lain"

Eneng Faridah Iskandar,
Pengarah Kanan Bahagian
Advokasi dan Jangkauan SKMM